



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PROGRAM MATA HATI WILAYAH 2024 TANGANI MASALAH KESIHATAN MATA KANAK-KANAK SEKOLAH RENDAH DI KUALA LUMPUR**

---

Program Mata Hati Wilayah 2024 telah dirasmikan pada hari ini dengan objektif untuk menangani masalah kesihatan mata dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Program Usaha Jaya Insan (PUJI) melalui *flagship* Sihat @ PUJI dan Ilmu @ PUJI.

Kajian yang dilaksanakan melalui program *Amblyopia & Visual Impairment Screening* (AVIS) mendapati 30 peratus kanak-kanak pra sekolah di Malaysia mengalami masalah penglihatan. Kajian tersebut turut mendapati bahawa kanak-kanak tersebut tidak mengetahui bahawa mereka sedang mempunyai masalah kesihatan. Sehubungan itu, isu kesihatan mata penting untuk ditangani dari sekarang bagi memastikan murid-murid sekolah mendapat peluang yang baik untuk pelajaran dan mengubah nasib keluarga mereka.

Program Mata Hati Wilayah merupakan manifestasi komitmen PUJI untuk menyediakan ekosistem *exit strategy* kepada kemiskinan di Wilayah Persekutuan. Melalui pemberian cermin mata percuma kepada 500 murid sekolah rendah dari lima buah sekolah yang terlibat – SK Bukit Pantai, SK Desa Tasik, SK Setiawangsa, SK Wangsa Maju Seksyen 1 dan SK La Salle – diharapkan dapat memberi kesan jangka pendek, sederhana dan panjang yang signifikan.

Untuk memastikan keberkesanan program ini, pemantauan terhadap progres akademik dan *self esteem* murid tersebut akan dilaksanakan secara berterusan selama 6 bulan sehingga Disember 2024 oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan guru-guru sekolah yang terlibat. Selain itu, seramai 3,000 orang murid Tahap 1 di 5 buah sekolah tersebut akan menjalani saringan kesihatan mata secara percuma.

Program ini adalah hasil kerjasama di antara Jabatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Yayasan Komuniti Negara, UiTM dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

**DR. ZALIHA MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)**  
**27 JUN 2024**